

# Berita

# Kuala Lumpur City News

# BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)  
Bil. 9 September 2005/ Syaaban 1426H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2004 (APC) Kementerian Wilayah Persekutuan

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) merupakan acara tahunan bagi memberikan penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang dan kesungguhan kerja yang tinggi semasa menjalankan kerja-kerja mereka.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) Tahun 2004 telah diadakan buat julung kalinya pada 5 September 2005 di Auditorium DBKL. Majlis ini adalah gabungan agensi-agensi di bawah KWP iaitu DBKL, Perbadanan Putrajaya, dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Majlis penyampaian anugerah ini telah disempurnakan oleh Y Bhg Tan Sri Samsuddin Osman, Ketua Setiausaha Negara. Turut hadir di majlis penuh gemilang ini ialah, Y Bhg. Dato' Dr. Zulkurnain Haji Awang, Ketua Setiausaha, Kementerian Wilayah Persekutuan; Y Bhg. Dato' Haji Ruslin Haji Hasan, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Encik Abdul Rahim Kassim, Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Labuan.

Seramai 794 pegawai dan kakitangan telah menerima APC 2004 ini di mana DBKL seramai 711 orang; Perbadanan Putrajaya seramai 39 orang; Wilayah Persekutuan Labuan seramai 37 orang dan Kementerian Wilayah Persekutuan seramai 7 orang.

Dalam ucapannya, Y Bhg.



Y Bhg Tan Sri Samsuddin Osman Menyampaikan sijil dan anugerah kepada kakitangan pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Wilayah Persekutuan 2005. - Gambar Berita Bandaraya

**"KSN  
juga  
mengingatkan  
kakitangan awam  
supaya terus mem-  
berikan perkhidmatan  
yang terbaik kepada  
organisasi kerana jika  
gagal memberikan yang  
terbaik organisasi akan  
punah dan harapan  
rakyat tidak akan  
dapat dipenuhi."**

Tan Sri Samsuddin Osman mengingatkan mereka yang menerima anugerah ini supaya menjadikannya sebagai dorongan untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang. Mereka ini biasanya akan dijadikan sebagai 'role model' kepada kakitangan lain. Justeru itu, penerima anugerah ini seharusnya menunjukkan contoh dan tauladan kepada mereka yang lain bagi membuktikan bahawa mereka benar-benar layak menerima anugerah tersebut.

Manakala kepada yang tidak terpilih pada tahun ini, beliau berharap agar mereka tidak berputus asa, sebaliknya menyeru mereka untuk muhasabah diri di samping terus berusaha serta mencari dan mengenalpasti kelebihan dalam diri masing-masing untuk mencapai kecemerlangan.

## Dari Meja Datuk Bandar



### Masa untuk muhasabah diri...

Munculnya September bermakna kita telah melangkaui hampir tiga perempat tahun. Tidak berapa lama lagi kita akan meninggalkan tahun 2005. Di ketika ini, perlulah kita merujuk dan merenung kembali azam yang telah kita tanamkan pada awal tahun dahulu.

Masa yang tinggal tidak berapa lama ini biarlah kita pergunakan sepenuhnya untuk muhasabah diri kita semula. Adakah kita telah melaksanakan tanggungjawab kita sepenuhnya. Ataupun kita masih lagi terleka... Masih belum terlewat lagi untuk kita menunaikannya.

Di suku terakhir tahun ini juga saya lihat ramai warga kota lebih menumpukan masa dan perhatian mereka terhadap keluarga. Mungkin setelah hampir sepanjang tahun bertungkus-lumus menjalankan tanggungjawab, inilah masanya untuk 'kembali' bersama keluarga yang tersayang.

UPSR, PMR, SPM, STPM dan berbagai lagi peperiksaan akan dialui oleh anak-anak, perhatian daripada ibubapa adalah amat diharapkan. Sewajarnya waktu-waktu sebegini kita luangkan masa untuk bersama anak-anak, memberi dorongan serta sokongan sebagai tanda 'kasih' dan 'sayang' kita terhadap mereka.

Bulan ini juga kelihatan banyak agensi dan majikan-majikan yang mengambil kesempatan untuk menjalankan aktiviti kekeluargaan seperti Hari Keluarga.

Aktiviti seperti ini amat baik

dan memang sesuai serta kena pada masanya. Inilah saat dan ketikanya untuk kita sama-sama berhimpun sesama keluarga dan rakan sekerja di samping dapat beramah mesra, bertukar-tukar fikiran dan merehatkan minda.

Bagi warga kota yang beragama Islam pula, di ketika ini mereka kelihatan sibuk mengadakan pelbagai jenis kenduri-kendara seperti doa selamat dan arwah. Kesempatan hujung minggu akan dipergunakan sepenuhnya samada untuk berkumpul sesama keluarga atau pulang ke kampung halaman. Memang saya tertarik dengan fenomena ini apatah lagi dengan kemunculan Ramadan yang tidak berapa lama lagi. Menziarahi sanak saudara, membersihkan kubur-kubur insan tersayang, menghadiri kenduri-kendara adalah satu budaya yang masih tidak dapat kita lupakan. Kepada umat Islam, kesempatan ini saya mengucapkan Selamat Berpuasa...

Akhir kata, biar sesibuk mana pun kita dalam kehidupan seharian, beramal ibadah jangan dilupakan.

*Berusahalah kita seolah-olah  
kita akan hidup seribu tahun lagi  
dan beramallah kita seolah-olah  
kita akan mati esok hari....*

### Pandangan

Berita Bandaraya / KL City News akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada: Sidang Redaksi, Berita Bandaraya / KL City News Unit Hal Ehwal Awam & Antarabangsa, Tingkat 29 Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut 50350, Kuala Lumpur. e-mel akhbar@dbkl.gov.my Tel: 603-2617 9013 Faks: 603-2694 1373. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat-menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

### Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin b. Hj. Hasan  
Ketua Editor: Tuan Hj. Salleh b. Yusup  
Editor: Hanim bt. Hj. Hashim  
Sub-Editor: Suriyana bt. Ismail  
Jurufoto: Abd. Rhanib. Md. Shohor

## *From the Mayor's Desk*

### **Time for self fulfillment...**

With the emergence of September, we have completed three quarters of the year; soon we shall leave the year 2005. At this point in time we should ponder and reminisce deep into our resolutions that we have decided at the beginning of the year.

At this last quarter of the year, I noticed that a majority of the city folks have spent more quality time and attention for their family. Perhaps after almost a year long of striving for the family, this is the time to 'retire' and provide affection for the beloved family.

With multitudes of examples that the children have to face, attention from the parents is crucial and highly expected. It is time like these that we should take the initiative to provide motivation and support as a symbol of our love and affection to them.

This month sees many agencies and employees taking advantage of the time of the year to run family orientated activities like the Family Day. An activity like this is highly encouraged and timely. This is the time and moment to congregate with the family and colleagues, apart from

getting acquainted, exchange of ideas and also to relax the mind.

To the Muslim city folks, at this moment they seemed busy handling all kinds of offerings for thanks giving's and prayers. Opportunities are grabbed during the weekend to congregate among family members or even to return to their home states. I am truly fascinated with this phenomenon and soon with the emergence of the Holy month of Ramadan.

Visiting our relatives, cleaning the graves of our beloved, attending thanks giving's a culture that we can never forego. It reflects our family institution among us that is still concrete and steadfast.

**To all Muslims,**

**I take this opportunity to wish you Happy Fasting...  
Lastly, no matter how busy we can be in our daily chores, we should not abide those around us.  
Appreciate those that love us...**

## **EDITORIAL BOARD**

Advisor Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslinb. Hj. Hasan Editor in Chief: Tuan Hj. Salleh b. Yusup. Editor Hanim bt. Hj. Hashim, Sub-Editor Suriyana bt. Ismail Photographer Abd. Rhani b. Md. Shohor Editors Address: Kuala Lumpur City News, Public Affairs & International Unit, Level 29, City Hall Building, Jalan Raja Laut, 50350, Kuala Lumpur Tel: 603-26179013 Fax: 603-26941373. e-mail: akhbar@dbkl.gov.my